

# BPPA

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET

CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU



*Asset Management : Readiness & Challenges Towards IR 4.0*

**ASSET MANAGEMENT  
READINESS AND CHALLENGES TOWARDS IR 4.0**

**PENERBITAN BPPA 2019 :**  
*The Government Building Scheduled Maintenance Guidelines (GBSMG)*

**14** Garis Panduan Pengurusan Operasi Dan Penyenggaraan (GPOP)

**11** PROGRAM PENSIJILAN JKR MALAYSIA : Pengurusan Aset Dan Fasiliti

**3** SLOT KHAS : Temu Bual Bersama Pengarah BPPA

**9** SEMINAR TAHUNAN : Asset Management : Readiness And Challenges Towards IR 4.0

# Tinta Ketua Editor



DARI PENA KETUA EDITOR,  
Puan Wan Norisa bt Wan Yusoff

**Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Alhamdulillah syukur ke hadrat llahi atas kurnian kudrat dan keupayaan oleh-Nya kepada semua kerana akhirnya Buletin 2019 dapat jua diselesaikan dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pendukung utama, Pengarah BPPA atas peluang serta dorongan kepada semua pihak khasnya ahli Sidang Redaksi sehingga berjaya menerbitkan Buletin 2019. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada semua ahli Sidang Redaksi yang telah bertungkus lumus dari awal sehingga akhir penyiapan Buletin 2019.

Banyak perkongsian ilmu, peluasan, kerjasama serta pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2019 dengan penuh harmoni di BPPA. Ini dapat dilihat dan diabadikan dengan informasi serta gambar-gambar bagi setiap program mahupun aktiviti. Semoga apa yang telah dipaparkan mampu untuk memberi manfaat serta pencetus idea kepada mana-mana individu mahupun organisasi untuk kerjaya yang lebih cemerlang.

Akhir kata, saya selaku Ketua Editor juga mewakili ahli Sidang Redaksi ingin mengambil kesempatan untuk menyusun jari memohon ampun jika masih terdapat kelemahan dalam menyempurnakan Buletin 2019 ini. Sesungguhnya apa jua kelemahan hanya datang dari saya dan yang terbaik hanyalah datangnya dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih


## MENARIK DI DALAM

<b>2</b> Perutusan Pengarah Kanan CPAB	<b>3</b> SLOT KHAS : Temu Bual Bersama Pengarah BPPA	<b>5</b> Latar Belakang BPPA	<b>9</b> <i>Asset Management: Readiness And Challenges Towards IR 4.0</i>
<b>11</b>  PROGRAM PENSIJILAN JKR MALAYSIA : Pengurusan Aset Dan Fasiliti	<b>13</b> Hierarki Dokumen Penerbitan BPPA	<b>15</b>  JPAK - Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan	<b>16</b> Pengurusan Aset Kerajaan
<b>20</b> Program BPPA 2019	<b>14</b> Penerbitan BPPA 2019	<b>38</b> Penerima Anugerah Dan Pengiktirafan	<b>19</b> WikiASET
<b>33</b> Lensa BPPA		<b>39</b> EKSA BPPA	

### SIDANG REDAKSI

Penaung Ir. Mohd Rahim bin Hj. Kawangit, A.M.P.(Pengarah Kanan CPAB) Penasihat Ir. Harjit Singh a/l Inder Singh (Pengarah BPPA) Ketua Editor Wan Norisa binti Wan Yusoff Editor 1 Ir.Asrul Affendi bin Jamlus Editor 2 Ar. Norashyiken binti Azali Penyelaras Siti Safura binti Jamaludin • Noor Hashim bin Mohamad • Nurul Haya binti Ismail • Naomi Anak Andrew Baling • Muhammad Syed Azhim Bin Mohd Kassim • Ar. Mohd Nurhamli Bin Mohd Thani Retnam • Rozia Hanif Binti Mohd Daim • Ir. Kanita Foo Chai • Adnan bin Abd. Aziz • Shahrizal Bin Abd. Halim • Mohd Badrul Hisham Bin Yunus Jurugambar Nor Azizi Bin Abdul Aziz

# PERUTUSAN PENGARAH KANAN CPAB



**YBrs. Ir. Mohd Rahim bin Kawangit AMP**

"Sebagai usaha bagi mencapai Matlamat, Visi, dan Misi BPPA, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2019. Aktiviti-aktiviti seperti Seminar Pengurusan Aset, peluasan pengurusan aset kerajaan, bengkel, penerbitan *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG), Garis Panduan Pengurusan Operasi Penyenggaraan (GPOP), pembangunan mySPATA dan kursus-kursus yang berkaitan juga turut diadakan sepanjang tahun sebagai usaha memantapkan lagi kompetensi dan kepakaran kakitangan BPPA demi merakyatkan perkhidmatan awam. Selain itu, program pensijilan Pengurusan Aset juga sedang giat dibangunkan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai BPPA yang berkelayakan."

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia, taufik, hidayah dan inayah-Nya kita masih berada dalam keadaan sihat dan sejahtera dalam lindungan-Nya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan semua aktiviti dan sasaran kerja yang telah ditetapkan dan dirancang sepanjang tahun 2019.

BPPA berperanan sebagai agensi yang merancang, membangun, mengurus dan memantau pengurusan aset kerajaan, berhasrat untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pengurusan aset dan penyenggaraan infrastruktur berpaksikan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

Sebagai usaha bagi mencapai Matlamat, Visi, dan Misi BPPA, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2019. Aktiviti-aktiviti seperti Seminar Pengurusan Aset, peluasan pengurusan aset kerajaan, bengkel, penerbitan *Government Building Scheduled Maintenance Guidelines* (GBSMG), Garis Panduan Pengurusan Operasi Penyenggaraan (GPOP), pembangunan mySPATA dan kursus-kursus yang berkaitan juga turut diadakan sepanjang tahun sebagai usaha memantapkan lagi kompetensi dan kepakaran kakitangan BPPA demi merakyatkan perkhidmatan awam. Selain itu, program pensijilan Pengurusan Aset juga sedang giat dibangunkan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai BPPA yang berkelayakan.

Segala usaha untuk memantapkan Sistem Pengurusan Aset Kerajaan harus terus dibangunkan selaras dengan kemajuan dan perkembangan semasa negara dan adalah diharapkan penerbitan Buletin BPPA 2019 ini dapat memberi maklumat berkenaan perkhidmatan yang disediakan serta maklumat terkini dalam bidang Pengurusan Aset.

Saya berharap buletin ini dapat menjadi pemangkin kepada daya usaha dan inovatif warga BPPA untuk menghasilkan karya yang lebih baik pada masa akan datang. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan ke arah penerbitan Buletin BPPA 2019 ini dan semoga BPPA akan terus cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

# SLOT KHAS

## TEMU BUAL BERSAMA

### PENGARAH BPPA

Ir. Harjit Singh a/l Inder Singh

"Selaras dengan salah satu misi BPPA iaitu 'membangun kecemerlangan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif', pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Aset & Fasiliti telah diadakan mulai tahun 2019 bagi memberi pengiktirafan kepada warga JKR yang telah mendapat pengalaman dalam bidang aset dan fasiliti selain menjadi batu loncatan ke arah melahirkan *Subject Matter Expert (SME) for Asset & Facilities.*"

**Salam sejahtera Tuan Pengarah.** Pertama kali kami ingin mengucapkan terima kasih kerana sudi meluangkan masa dari kesibukan jadual harian tuan untuk sesi temu bual ini. Sebagai Pengarah Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA), bolehkah tuan terangkan keutamaan atau fokus tuan dalam mengetuai Bahagian ini.

Bagi saya, perkara utama yang saya ingin tekanan dalam BPPA adalah untuk menerapkan kesedaran betapa pentingnya Pengurusan Aset dan Fasiliti dalam Kerajaan. Seperti yang termaktub dalam Visi Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini. Ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya BPPA bagi mengerakkan Visi JKR secara khususnya.

Oleh yang demikian, kerjasama daripada semua warga BPPA amatlah penting kerana setiap unit dan bidang tugas mereka adalah saling berhubung kait antara satu sama lain. Kita hendaklah bekerja sebagai satu pasukan dan mengamati slogan bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Tanpa semangat berpasukan ini, adalah mustahil Misi dan Visi BPPA dapat dicapai.

**Pada awal tahun 2019, pelbagai aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan. Sejauh manakah pelaksanaan aktiviti tersebut dan maklum balas tuan berkenaan pelaksanaan tersebut.**

Pada hujung tahun 2018, banyak aktiviti telah dirancang bagi pelaksanaan pada tahun 2019. Daripada kesemua program yang dirancang, kesemua telah dilaksanakan dengan jayanya di peringkat Bahagian. Kehadiran peserta ke kursus atau bengkel yang diadakan adalah memberangsangkan.



Dengan adanya peluasan di Kementerian, Jabatan dan Agensi, pendedahan dan pengetahuan berkenaan Pengurusan Aset dan Fasiliti dapat dipertingkatkan. Peluasan hendaklah diteruskan ke semua Zon (Utara, Timur, Tengah dan Selatan) agar ilmu dan pengalaman tenaga pengajar boleh dikongsikan bersama.

Bagi penerbitan Garis Panduan pula, kebanyakannya masih di peringkat penambahbaikan dan semakan sebelum boleh diluluskan oleh pihak atasan. Ini adalah bagi memastikan kualiti Garis Panduan itu selaras dengan kebolehgunaan oleh penjawat awam teknikal dan bukan teknikal. Pada masa yang sama, dokumen-dokumen terbitan BPPA seperti Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK), Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) sedang dalam tindakan penambahbaikan. Seterusnya dokumen-dokumen tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk kelulusan semua ahli jawatankuasa. Setelah mendapat kelulusan, dokumen-dokumen tersebut akan diguna pakai di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi.

**BPPA telah menganjurkan Seminar Asset Management: Readiness and Challenges Towards IR 4.0 pada 20 Ogos 2019 bertempat di Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bagaimana dengan maklum balas yang diterima para peserta yang hadir dan pihak pengurusan JKR secara amnya.**

Pada pendapat saya, Seminar Asset Management: Readiness and Challenges Towards IR 4.0 pada 20 Ogos 2019 yang lepas adalah amat berjaya. Jumlah penyertaan adalah sebanyak 312 orang yang terdiri daripada 236 pegawai JKR manakala 76 lagi pegawai dari

Kader dan Jabatan lain. Topik yang dibincangkan adalah relevan dengan keadaan semasa iaitu potensi IR 4.0 dalam pengurusan aset kerajaan. Beberapa pembentang yang berkaliber dari universiti dan industri luar telah dijemput bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengalaman masing-masing.

Ucaptama oleh mantan Pengarah Kanan CPAB iaitu Tuan Ir. Ab. Hamid bin Hj. Md. Daud juga telah mengaitkan kepentingan Industri IR 4.0 dalam perubahan kehidupan dan cara kita bekerja kerana ia dipacu oleh tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal, sepetimana yang dipetik dari buku bertajuk *The Fourth Industrial Revolution* oleh Klaus Schwa.

**Memandangkan pentingnya Pengurusan Aset Menyeluruh untuk semua aset tak alih kerajaan, apakah perancangan tuan bagi memperkasakan lagi kompetensi warga BPPA dari segi penambahan Subject Matter Expert (SME)?**

Selaras dengan salah satu misi BPPA iaitu ‘membangun kecemerlangan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif’, pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Aset & Fasiliti telah diadakan mulai tahun 2019 bagi memberi pengiktirafan kepada warga JKR yang telah mendapat pengalaman dalam bidang aset dan fasiliti selain menjadi batu loncatan ke arah melahirkan Subject Matter Expert (SME) for Asset & Facilities.

Pada tahun 2019, seramai 3 orang pegawai telah menerima Anugerah Pensijilan Pengurusan Aset & Fasiliti. Pegawai-pegawai berkenaan telah ditauliahkan mengikut tahap kepakaran berdasarkan kepada pengalaman pegawai dalam pengurusan aset dan fasiliti. Pegawai-pegawai ini juga telah diamanahkan untuk menguruskan petaulahan pegawai-pegawai yang berkelayakan seterusnya.

**Apakah perancangan BPPA pada tahun 2020? Sekiranya tuan boleh kongsikan bersama.**

Pengeluaran sesuatu dokumen atau polisi yang bakal diguna pakai oleh Kerajaan hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Kewujudan BPPA merupakan tonggak utama kepada pelaksanaan pengurusan aset dan fasiliti kerana ia merupakan bahagian rujukan kepada semua penjawat awam yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan pengurusan aset dan fasiliti.

Selain itu, warga BPPA hendaklah melengkapkan diri mereka dengan kepelbagaiannya bidang tugas unit-unit lain selain daripada kerja hakiki mereka. Apabila seorang pegawai membuat sesi peluasan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi lain, adalah tidak mustahil bagi jabatan dan kementerian lain tersebut untuk bertanyakan soalan lain daripada bidang pegawai itu tadi. Oleh itu, beberapa siri kursus dilaksanakan kepada warga BPPA dengan harapan mereka bersedia dengan info lain berkaitan dengan pengurusan aset dan fasiliti.

**Sebelum menamatkan sesi temu bual ini, apakah harapan tuan kepada warga BPPA dan fungsi BPPA itu sendiri secara amnya?**

Besarlah harapan saya agar BPPA menjadi salah satu bahagian yang berupaya menjadi pemacu dan penggerak kepada Jabatan khususnya dalam bidang Pengurusan Aset dan Fasiliti. Seiring dengan Industri IR 4.0, kita hendaklah satu langkah ke hadapan dan berupaya menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan pengurusan aset dan fasiliti.



Selain itu, saya juga berharap agar Bahagian ini mampu bergerak seiring dengan Visi JKR terutamanya di penekanan betapa pentingnya Pengurusan Aset dan Fasiliti ini oleh pihak pengurusan atasan bagi memastikan Pengurusan Aset dan Fasiliti ini boleh dilaksanakan secara sistematis berpandukan dokumen dan garis panduan yang telah disediakan di BPPA.

“Selaras dengan Dasar Penjimatan Kerajaan, elemen Kos Kitaran Hayat (KKH) merupakan salah satu alat yang penting yang perlu dimasukkan dan diamalkan dalam proses tender pewujudan aset yang baru, sama ada projek fizikal atau komponen, dan seterusnya boleh membantu dalam membuat pilihan yang terbaik. Dalam proses tender sedia ada, hanya kos pemerolehan (kos-kos awalan sesuatu aset) sahaja dititikberatkan. Dengan adanya elemen KKH, kos pemilikan (kos operasi dan penyenggaraan, ubah suai, naik taraf dll) sepanjang kitaran hayat aset juga disertakan semasa proses tender bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas sebelum membuat sesuatu keputusan dalam pemilihan komponen.”

Akhir kata, saya berharap agar seluruh warga BPPA dapat memberikan komitmen yang tinggi serta kesungguhan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan terutama sekali dalam aspek pengurusan aset dan fasiliti di samping mencapai misi, visi dan objektif BPPA serta JKR secara amnya.

# LATAR BELAKANG BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET, BPPA

## MISI

CAW. PERANCANGAN ASET  
BERSEPADU, CPAB

Komit dalam menyediakan perkhidmatan  
Membangunkan kompetensi dan kapasiti  
**PENGURUS ASET**, pengurus projek dan  
**FASILITI** yang cemerlang  
Memastikan keberkesanan tadbir urus  
**PENGURUSAN ASET KERAJAAN**

BAHAGIAN PERUNDINGAN  
PENGURUSAN ASET, BPPA

Memberi perkhidmatan secara profesional.  
Komit dalam mencapai kecemerlangan  
melalui Pengurusan Aset Menyeluruh.  
Membangun kecemerlangan modal insan  
yang kompeten, kreatif dan inovatif.

## VISI


CAW. PERANCANGAN ASET  
BERSEPADU, CPAB

Menjadi pusat kecemerlangan dalam  
bidang aset yang merangkumi pengurusan  
projek dan **FASILITI** bagi kemudahan  
infrastruktur negara

BAH PERUNDINGAN  
PENGURUSAN ASET, BPPA

Menjadi pusat kecemerlangan  
peinfrastruktur urusan aset dan  
penyenggaraan berteraskan kreativiti dan  
inovasi modal insan serta teknologi terkini

# FUNGSI BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET, BPPA



# BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET



**BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET,  
BPPA**

## PEJABAT PENGARAH BPPA

**UNIT PENGURUSAN ASET KERAJAAN (UPAK)**

**SEKSYEN**  
Perancangan Dasar dan Strategi PAK

**SEKSYEN**  
Perunding Tadbir Urus dan Naziran Agensi

**SEKSYEN**  
Perunding Pengurusan Operasi MySPATA

**SEKSYEN**  
Pengurusan Aplikasi Sokongan

**SEKSYEN**  
Perunding Pendaftaran dan Pelupusan Aset

**UNIT PERUNDING PENGURUSAN ASET MENYELURUH (UPAM)**

**SEKSYEN**  
Perunding Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM)

**SEKSYEN**  
Perunding Reka Bentuk Penyenggaraan Proaktif

**SEKSYEN**  
Perunding Kelestarian Aset

**SEKSYEN**  
Perunding Penilaian dan Penarafan Aset

**UNIT PERUNDING PENGURUSAN FASILITI (UPPF)**

**SEKSYEN**  
Pembangunan Standardisasi FM-Pelan Pengurusan Fasiliti (FMP)

**SEKSYEN**  
Perunding Standardisasi Kontrak Fasiliti

**SEKSYEN**  
Perunding Teknologi Penyenggaraan Fasiliti

**SEKSYEN**  
Perunding Pengurusan Penyenggaraan Fasiliti

**UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI & TRANSFORMASI (UPKT)**

**SEKSYEN**  
Kapasiti dan Kompetensi

**SEKSYEN**  
Pembudayaan dan Penerbitan

**SEKSYEN**  
Urusetia Lukisan Siap Bina (LSB) dan Pengurusan Perubahan

**SEKSYEN**  
Pentadbiran dan Perkhidmatan Korporat

## UPAK - UNIT PENGURUSAN ASET KERAJAAN



## UPPF - UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN FASILITI



## UPAM - UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET MENYELURUH



## UPKT - UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI & TRANSFORMASI



# **ASSET MANAGEMENT : READINESS AND CHALLENGES TOWARDS IR 4.0**



## **Potensi IR 4.0 Dalam Pengurusan Aset Kerajaan**



IR 4.0 mengubah hidup dan cara kita bekerja hari ini. Perubahan ini dipacu oleh tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal. Ianya merentasi sembilan tonggak IR 4.0 yang merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri *Internet of Things (IoT)*, keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi

Merujuk buku : *The Fourth Industrial Revolution*, Klaus Schwab

**Ir. Ab Hamid Bin Hj. Md Daud**  
Pengarah Kanan CPAB

Cabar IR 4.0 sewajarnya diterokai sebagai satu dimensi peralihan paradigma kepada kecekapan organisasi. Dimensi ini jika ditangani dengan bijak, mampu membantu organisasi mencapai kelebihan daya saingnya melalui peningkatan tahap kecekapan pengurusan operasi secara keseluruhan. Strategi dan pelaburan organisasi dalam simulasi dan realiti maya, integrasi sistem industri *Internet of Things (IoT)*, keselamatan siber, pengkomputeran awam, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi, bakal membawa organisasi ke tahap berbeza dalam persaingan pada masa depan.

**Ir. HARJIT SINGH A/L INDER SINGH**  
Pengarah BPPA



### **Objektif**

Memacu ke arah IR 4.0 adalah untuk melihat proses sedia ada dan mengkaji keboleh berdaya saing pengurusan aset, pemantauan jarak jauh, penyenggaraan dan pengoptimuman keseluruhan aset.

Mengekalkan nilai aset dengan mempertimbangkan inovasi sistem terkini dan membaik pulih kecekapan operasi yang perlu dilancarkan secara berperingkat-peringkat.

Menambah skop baru untuk mendapatkan faedah dengan meningkatkan pulangan melalui pelaburan kepada aset, menjimatkan kos penyenggaraan dan mengurangkan / mengekalkan nilai aset

Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak, Kuala Lumpur ● 20 OGOS 2019





**Internet of Things and Crowdsensing in AFM Industries**  
**Dr. Mazlan Abbas, FAVORIO**

- Masyarakat perlu bersedia dan menyiapkan diri dengan pengetahuan dalam dunia IR 4.0 untuk bersaing bagi mendapatkan pekerjaan
- Pihak institusi pendidikan awam/swasta perlu menyediakan subjek pembelajaran terkini yang berkaitan IR 4.0 bagi melahirkan graduan yang boleh memahami IR 4.0 dan membangunkan aplikasi IR 4.0

**High Performance Asset Towards High Economics Value**

**Prof. Sr. Dr. Hishamuddin Mohd Ali, UTM**

Untuk memastikan prestasi pengurusan aset ke arah nilai ekonomi yang tinggi beberapa perkara perlulah dititikberatkan seperti:

- Tinggi pencapaian aset dengan tinggi nilai ekonomi aset amatlah berkait
- Aset dengan manusia perlukan harmoni dengan dibantu proses pengurusan aset yang baik dan teratur
- Nilai ekonomi aset adalah dipandu oleh nilai pasaran
- Nilai ekonomi aset selari dengan nilai sosial dan alam sekitar



**Computerized Maintenance Management System (CMMS) In IR 4.0**  
**En. Zulatfi Ali - CWORKS System Berhad**

- CMMS akan meningkatkan pengesanan aset (*asset tracking*), meningkatkan pengurusan masa kerja, meningkatkan perakaunan kos dan meningkatkan penjadualan penyenggaraan.
- Kesan penggunaan CMMS akan memberi jangka hayat aset yang lebih panjang, yang mana ia dapat mengurangkan kos dan mendapat keuntungan yang lebih tinggi. Selain itu juga ia dapat mengurangkan penyelenggaraan *ad-hoc* yang mana ia mengurangkan kos tidak menentu di dalam penyenggaraan.
- Kesimpulan penggunaan CMMS dapat mengoptimumkan jangka hayat penggunaan aset.



**Internet of Things (IoT) and Artificial Intelligence in AFM Industries**

**En. Baharinshah bin Hussain , Al Nabooda Chula FM LCC**

Bidang pengurusan aset perlu bergerak sejajar dengan perkembangan teknologi semasa. Ini adalah kerana dengan bantuan teknologi terkini, pelaksanaan kerja dalam mengurus sesebuah aset boleh dilaksanakan dengan lebih mudah dan sistematik, selain daripada dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos perbelanjaan. Dengan ini, keperluan pihak pelanggan dalam pengurusan aset dapat dipenuhi tanpa perlu mengeluarkan kos yang tinggi dan pada masa yang sama, aset dapat digunakan secara optimum dan tahap kepuasan yang tinggi daripada pengguna.



**Readiness & Challenge Of Implementation IR 4.0 In Asset And Facility Management**  
**Ir. Byron Lim, UEM Edgenta**

Usaha UEM Edgenta sejajar dengan IR 4.0 untuk Kecemerlangan Operasi. UEM Edgenta telah membuat pelaburan besar, kerjasama strategik dengan organisasi tempatan dan antarabangsa untuk inovasi dan teknologi. Walau bagaimanapun, kejayaan memerlukan sokongan holistik. Bagi meminimumkan gangguan semasa penyelenggaraan C & S, Inovasi dan Teknologi (Revolusi Industri 4.0) perkara yang diaplikasi adalah :

- Pengukuhan Industri
- Pelaburan
- Pemikiran Pemegang Saham (*stakeholders*)

**Readiness & Challenge Of Implementation IR 4.0 In Asset And Facility Management**

**En. Jeffery Mohamad Akhir, GFM SOLUTION SDN BHD**

Aplikasi yang telah dibangunkan iaitu GFM Digital platform yang mengandungi notifikasi melalui *whatsapp*, pengesahan *work order* dan pelaporan. Model kolaborasi melalui *IoT Smart Building* (fasa 1) PERKESO Rehabilitation Centre yang dilihat memberi manfaat dari segi penambahbaikan kualiti, tempoh dan keberkesaan operasi melalui pelaksanaan pemantauan dan pengawalan yang berkesan menggunakan platform IOT dan *cloud technology*, serta mengurangkan kos operasi melalui pengesanan awal pembaziran sumber / tenaga dan *trend* yang tidak normal melalui pengumpulan sensor data.



# PROGRAM PENSIJILAN JKR MALAYSIA

## PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

**INISIATIF** Jabatan untuk memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang telah mendapat pengalaman dalam bidang aset dan fasiliti dan sebagai batu loncatan ke arah melahirkan *Subject Matter Expert (SME) for Asset & Facilities*.

### OBJEKTIF

Memastikan setiap calon yang akan ditauliahkan mencapai kompetensi yang ditetapkan

Meningkatkan bilangan pengamal aset dan fasiliti JKR yang bertauliah

Memperakur kakitangan JKR yang bertauliah sebagai pengamal aset dan fasiliti

### OUTCOME

**JKR** mencapai visi dan misi sebagai pemberi perkhidmatan pengurusan aset dan fasiliti bertaraf dunia

**Pegawai** berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dalam organisasi

**Kelangsungan** organisasi dapat dipelihara dan menjadi agensi utama pengurusan aset dan fasiliti

### SKOP PENGETAHUAN & PENGALAMAN

Calon-calon berminat hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang bersesuaian bagi memohon sijil-sijil pentaulahan yang berlainan tahap kekompetennya. Skop pengetahuan bagi tahap-tahap pensijilan yang berkaitan adalah seperti berikut:

#### Pensijilan Tahap 2 – Basic

1. Mengetahui dan memahami kepentingan & hala tuju pengurusan aset dan fasiliti
2. Memerlukan pengawasan mentor dalam bidang berkaitan
3. Memerlukan pembelajaran berterusan dalam pengurusan aset dan fasiliti

#### Pensijilan Tahap 3 – Competent & Proficient

1. Berupaya mengamal dan mempromosikan amalan terbaik pengurusan aset
2. Mengaplikasi teknik, prosedur dan penggunaan peralatan berkaitan
3. Berupaya untuk merancang, menganalisa dan mengesyorkan perkara berkaitan
4. Mempunyai kompetensi untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan aset dan fasiliti dalam organisasi
5. Berkemahiran memberi khidmat nasihat dalam pengurusan aset dan fasiliti

#### Pensijilan Tahap 4 – Expert & Strategic

1. Memiliki pengalaman luas dan menjadi sumber rujukan di dalam dan di luar JKR
2. Berkebolehan mengawasi, mengaudit dan menjadi mentor
3. Mempunyai pemahaman strategik dan berkebolehan mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan aset dan fasiliti dalam organisasi
4. Mempunyai kebolehan strategik untuk menyelesaikan masalah-masalah kompleks pengurusan aset dan fasiliti

**TAHAP PENSIJILAN** terbahagi kepada:

TAHAP	KATEGORI	GELARAN
2	Basic	Certified Asset & Facilities Supervisor (CAFS)
3	Competent & Proficient	Certified Asset & Facilities Manager (CAFM)
4	Expert & Strategic	Certified Asset & Facilities Director (CAFD)

### TAJUK KURSUS PERINGKAT ASAS

TAJUK KURSUS PERINGKAT ASAS	BIL. HARI
Pengurusan Penyenggaraan dan Fasiliti	3 hari
Pengurusan Aset Menyeluruh	2 hari

#### Pengurusan Aset Kerajaan:

Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA)	1 hari
Penerimaan Aset	1 hari

### TAJUK KURSUS PERINGKAT PERTENGAHAN

TAJUK KURSUS PERINGKAT PERTENGAHAN	BIL. HARI
Pengurusan Penyenggaraan dan Fasiliti:	

Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan & Technical Specification & Performance Requirement	2 hari
Manual Pengurusan Operasi & Penyenggaraan (MPOP)	2 hari
SPK Penyenggaraan Keluaran 06	2 hari

Government Building Schedule Maintenance Guideline (GBSMG) & Sistem Pengurusan Fasiliti Berpusat (eSPFB)	3 hari

#### Pengurusan Aset Menyeluruh:

Kos Kitaran Hayat (LCC)	2 hari
Pemeriksaan Keadaan Bangunan (BCA)	3 hari

Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan (BPA)	3 hari
Manual Operasi Pengurusan Ruang (MOPR)	3 hari

Lukisan Terukur	3 hari
Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1 (POE)	2 hari

#### Pengurusan Aset Kerajaan:

Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA)	2 hari
Laporan Tadbir Urus TPATA	1 hari

Pendaftaran Aset DPA, DAK Ruang & Komponen	2 hari
Pelupusan Struktur Binaan & Komponen	1 hari

### TAJUK KURSUS PERINGKAT LANJUTAN

TAJUK KURSUS PERINGKAT LANJUTAN	BIL. HARI
Pengurusan Aset Kerajaan:	
Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA)	3 hari
Pendaftaran Aset DPA, DAK Ruang & Komponen	3 hari



### PENERIMA ANUGERAH PENSIJILAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

Ir. Mohd Rahim bin Hj. Kawangit, A.M.P.

Ir. Harjit Singh A/L Inder Singh

Ir. Dr. Ahmad Firdauz Bin Abdul Mutalib

TAHAP	SYARAT PERMOHONAN							PENILAIAN			
	Gred	Kerja (tahun min.)	Bidang (tahun min.)	Penceramah/ Fasilitator/ Khidmat Nasihat Teknikal	i. Kursus/ ii. Seminar/ iii. Bengkel/JKRCoP	Kelayakan Akademik (min.)	Pendaftaran Pertubuhan Profesional (BEM, LAM, BQSM)	Ujian Bertulis	Temu Duga	Markah Lulus	
4	≥ J41	10	5	/	i. 3 kursus asas 10 kursus pertengahan 1 kursus lanjutan ii. 1 seminar peringkat Negara iii. Ahli Bengkel & JKRCoP	Sarjana Muda	Berdaftar	20	70	10	70
3	≥ J41 ≥ JA29 ≥ JA29	5 7 9	3 5 7	X X X	i. 2 kursus asas 7 kursus pertengahan ii. 1 seminar peringkat Jabatan iii. Ahli Bengkel & JKRCoP	Sarjana Muda Diploma	Berdaftar Berdaftar X	20	70	10	70
2	≥ J41 ≥ JA29	3 6	2 4	X X	i. 2 kursus asas ii. - iii. Ahli JKRCoP	Sarjana Muda Diploma	Berdaftar X	20	70	10	70

# HIERARKI DOKUMEN PENERBITAN BPPA

## PERINGKAT STRATEGIK

**DOKUMEN PERINGKAT 1  
DASAR PAK**

Dasar Pengurusan Aset Kerajaan  
Transformasi Pengurusan Aset Kerajaan Ke arah Wawasan 2020



## PERINGKAT TAKTIKAL

**DOKUMEN PERINGKAT 2  
MANUAL PAM**

Manual Pengurusan Aset Menyeluruh



## PERINGKAT OPERASI

**DOKUMEN PERINGKAT 3  
TATACARA PENGURUSAN**

Aset Tanah, Aset Bangunan, Aset Infrastruktur, Aset Alih & Aset Hidup

Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan



**DOKUMEN PERINGKAT 4  
DOKUMEN SOKONGAN**

Piawaian, Spesifikasi, Kod Amalan Garis Panduan

Garis Panduan Perolehan & Pentadbiran Kontrak Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan (FMM), Pelan Operasi dan Penyenggaraan Aset (POPA), Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA), Buku Panduan Pengukuran Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset (TPPA), PeDATA: Aset Bangunan (Pengumpulan Data Dan Pelabelan Aset Tak Alih), PeDARA: Bangunan Dan Infrastruktur Khas (Pengumpulan Data Dan Pelabelan Aset Tak Alih), Reka Bentuk Kebolehsenggaraan Bilik Suis Voltan Rendah, Reka Bentuk Kebolehsenggaraan Sistem Lif, Reka Bentuk Kebolehsenggaraan Kerujuteraan Mekanikal Sistem Penyamanan Udara Kos Kitaran Hayat (LCC), Piawai JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan, Pengurusan Lukisan Siap Bina (LSB), Lukisan terukur (Pelan Susun Atur Ruang), Pengurusan Risiko Fasiliti, Penilaian Prestasi Dan Penarafan Bangunan, Kursus Efektif Sistem Prosedur Kualiti Sengkara JKR, Sistem Pengurusan Bersepadu – Sistem Pengurusan Kualiti (Penyenggaraan), Government Building Scheduled Maintenance Guidelines (GBSMG), Garis Panduan Pengurusan Operasi Dan Penyenggaraan, Pelupusan Kompenan Binaan, Pelupusan Struktur Binaan (Aset Bangunan)



# PENERBITAN BPPA 2019

## THE GOVERNMENT BUILDING SCHEDULED MAINTENANCE GUIDELINES/ GARIS PANDUAN PENYENGGARAAN BERJADUAL BANGUNAN KERAJAAN

### EDISI 2019

The Government Building Scheduled Maintenance Guidelines (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan is a supporting document towards the process of sustaining the performance of a building in accordance with the documented design intent and the owner's operational needs.

This process involves a set of activities that help maintain a building's profitability and sustains reliability. Operation refers to activities such as equipment scheduling and optimizing energy. Maintenance activities involve caring for equipment to assure reliability and decrease the possibility of premature failure. The goals of a best practice of operation and maintenance activities include the following:

- a) Reduce capital repairs;
- b) Reduce unscheduled shutdowns and repairs;
- c) Extend equipment life, thereby extending facility life;
- d) Realize life-cycle cost savings, and
- e) Provide safe, functional systems and facilities that meet the design intent.

The Government Building Scheduled Maintenance Guidelines (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan is purposely developed as a reference by Government's departments in planning, managing and monitoring the maintenance of Government buildings placed under their administration.

The Government Building Scheduled Maintenance Guidelines (GBSMG)/ Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (2019 Edition) will be replaced the previous version of Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (2008 Edition)

Dokumen ini boleh dimuat turun dari portal <http://jpk.jkr.gov.my> dan Jpedia - WikiAset


## GARIS PANDUAN PENGURUSAN OPERASI DAN PENYENGGARAAN (GPOP)

### EDISI 2019

Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan (GPOP) ini diwujudkan sebagai dokumen sokongan untuk aktiviti operasi dan penyenggaraan di dalam fasa operasi dan penyenggaraan selaras dengan keperluan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK), Garis Panduan Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA).

Bagi menjayakan Operasi Penyenggaraan Aset (OPA) terutama aktiviti yang melibatkan penyenggaraan aset di samping dapat memanjangkan hayat aset serta memastikan aset sentiasa berkeadaan baik dan berprestasi tinggi dalam menyokong penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Dokumen ini boleh dimuat turun dari portal <http://jpk.jkr.gov.my> dan Jpedia - WikiAset



# Tahukah anda?

JPAK ditubuhkan pada 24 Ogos 2007

Portal JPAK mula dibangunkan pada tahun 2015 dan merupakan satu inisiatif Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK), Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) sebagai satu medium dalam perkongsian maklumat berkaitan dengan pengurusan aset kerajaan kepada agensi kerajaan dan kakitangan awam khususnya.

**"Memastikan Aset Kerajaan Diuruskan Dengan Cekap, Profesional, Ekonomik Dan Selamat Digunakan"**



## Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan | <http://jpak.jkr.gov.my/>

### Pengenalan JPAK

#### Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)

Merupakan satu Jawatankuasa khas di peringkat tertinggi yang ditubuhkan bagi memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan aset. Jabatan Kerja Raya (JKR) dilantik sebagai urus setia bagi menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan Mesyuarat JPAK di samping bertindak sebagai badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan.

#### TANGGUNGJAWAB URUS SETIA JPAK

Mengurus setia Mesyuarat JPAK

Menyelaras agenda, menyediakan minit dan semua tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan JPAK

Badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih kerajaan (TPATA);

Melaporkan hasil pemantauan pengurusan aset tak alihi kepada Pejabat Penggerusi JPAK ( Ketua Setiausaha Negara).

#### URUS SETIA JPAK

Jabatan Kerja Raya dilantik sebagai Urus Setia JPAK. Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR bertanggungjawab untuk menyempurnakan tugasannya urus setia JPAK ini.

#### Urus Setia JPAK

Aras 1, Blok C Lama  
Ibu Pejabat JKR Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur

[jpak@jkr.gov.my](mailto:jpak@jkr.gov.my)

03-2610 7562

#### STRUKTUR ORGANISASI JPAK

##### PENGERUSI

Ketua Setiausaha Negara

##### AHLI

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarah Kerja Raya

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta

Ketua Pengarah MAMPU

##### SETIAUSAHA

Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, JKR Malaysia

##### URUS SETIA

Jabatan Kerja Raya



### Apakah Kepentingan JPAK?

#### Fungsi-fungsi JPAK terhadap Pengurusan Aset Kerajaan

- Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan.
- Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia.
- Menyelaras pelaksanaan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan di antara agensi-agensi Kerajaan peringkat persekutuan.
- Menyediakan laporan berkala kemajuan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan Pengurusan Aset Kerajaan.

# PENGURUSAN ASET KERAJAAN

## PERNYATAAN DASAR PENGURUSAN ASET KERAJAAN



Kerajaan komited untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada rakyat melalui pengurusan aset yang menyeluruh.



Setiap agensi bertanggungjawab terhadap aset kerajaan di bawah kawalan masing-masing.



Setiap aset Kerajaan hendaklah diuruskan secara strategik dan sistematik melalui pendekatan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) Kerajaan.

## KLASIFIKASI DAN JENIS ASET

Sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti

### ASET

- aset yang boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh jangka pendek
- aset yang wujud dalam satu tempoh perakaunan dan boleh ditukar menjadi tunai dalam tempoh setahun

#### ASET SEMASA

TUNAI

PELABURAN

#### ASET BUKAN SEMASA

ASET KETARA

ASET TAK KETARA

- aset yang hanya boleh ditukar kepada tunai selepas satu tahun
- mempunyai potensi hayat perkhidmatan lebih daripada satu tahun, sama ada yang ketara atau yang tak ketara

HARTA INTELEK

HARTA BUKAN INTELEK

#### ASET TAK ALIH


- Tanah
- Infrastruktur
- Bangunan

#### ASET ALIH

- Harta modal
- Aset bernilai rendah

#### ASET HIDUP

- Tumbuhan
- Haiwan
- Ikan



## PENDEKATAN PENGURUSAN PENYENGGARAAN ASET

Amalan penyenggaraan aset yang baik adalah merangkumi penyenggaraan pencegahan dan komprehensif serta melaksanakan Pengurusan Fasiliti yang sistematik dan holistik.




### AMALAN SEMASA PENYENGGARAAN ASET

Kebanyakan agensi mengamalkan kaedah penyenggaraan reaktif di mana penyenggaraan yang dibuat adalah secara *ad hoc* tanpa perancangan sistematik dan berjadual.

Di antara kelemahan penyenggaraan reaktif adalah:


- tiada pelan pengurusan penjagaan aset;
- menurunkan jangka hayat aset;
- kos jangka panjang yang tidak ekonomik; dan
- proses membaik pulih yang perlahan.



### FASA KITARAN HAYAT ASET INFRASTRUKTUR ATAU ASET BANGUNAN

Dalam pengurusan aset infrastruktur atau aset bangunan proses Kitaran Hayat Aset (KHA) terdiri daripada sepuluh (10) fasa di bawah empat (4) Fasa Utama sebagaimana berikut:

- a) **Fasa Utama Perancangan Aset:**  
i) Fasa Perancangan.
- b) **Fasa Utama Pewujudan Aset yang merangkumi empat (4) fasa kecil iaitu:**  
i) Fasa Reka Bentuk;  
ii) Fasa Perolehan;  
iii) Fasa Pembinaan; dan  
iv) Fasa Pentauliahan.
- c) **Fasa Utama Penggunaan Aset yang merangkumi empat (4) fasa kecil iaitu:**  
i) Fasa Penerimaan dan Pendaftaran;  
ii) Fasa Operasi dan Penyenggaraan;  
iii) Fasa Penilaian; dan  
iv) Fasa Pemulihan / Ubah suai / Naik taraf.
- d) **Fasa Utama Pelupusan Aset:**  
i) Fasa Pelupusan.



## FAEDAH PENGURUSAN ASET KERAJAAN YANG BERKESAN

- Menjamin aset kerajaan sentiasa baik dan berfungsi;
- Mengoptimumkan jangka hayat dan nilai faedah aset;
- Memantap keupayaan pengurusan aset kerajaan;
- Menambah baik sistem bajet dan kawalan kewangan; dan
- Meningkat kredibiliti, integriti dan reputasi kerajaan.

## IMPLIKASI KELEMAHAN MENGURUS ASET KERAJAAN

- Keraguan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna;
- Penyampaian perkhidmatan terjejas;
- Kenaikan kos penyenggaraan dan pengurusan aset;
- Pembaziran sumber – kerosakan berulangan;
- Kemerosotan jangka hayat, nilai dan kelestarian aset;
- Peningkatan kos sosial akibat kegagalan aset; dan
- Imej negatif kepada negara, kerajaan dan industri.

## KEPENTINGAN PENDAFTARAN ASET



Memberi identiti kepada komponen Aset Tak Alih yang dimiliki oleh Kementerian/ Jabatan / Agensi .




Melakukan pelaksanaan proses pelabelan Aset Tak Alih Kerajaan (Aset Bangunan) yang seragam sepertimana arahan Pekeliling Am Bil 2 Tahun 2012 : Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) bagi tujuan identifikasi kepada Aset Tak Alih khususnya Bab C : Penerimaan



Penyelarasan terhadap pengurusan data aset bagi tujuan keseragaman Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) dapat diamalkan dengan berkesan. Pendaftaran perlu didaftarkan secara lengkap, sistematik dan bersepada selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 : Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA).



Merupakan salah satu proses penting di dalam menguruskan aset secara menyeluruh. Ia merupakan proses yang kompleks dan memerlukan perancangan, kawalan dan penyelarasan. Data yang berkualiti dapat membantu keputusan dalam pengurusan aset di peringkat operasi dan strategik.



PeDATA : Aset Bangunan

### PENGUMPULAN DATA DAN PELABELAN ASET TAK ALIH


Versi 2.0



### SISTEM KOD ASET TAK ALIH (SKATA)

VERSI 2.0

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2012



TATACARA PENGURUSAN  
ASET TAK ALIH KERAJAAN  
2012

The screenshot shows the homepage of the WikiAset website. It features a large circular diagram at the top right illustrating the '4 UNIT DI BPPA' (4 Units of BPPA) and 'KITAR HAYAT ASET' (Asset Life Cycle). The diagram is divided into four quadrants: 'PENGURUSAN ASET' (Asset Management), 'PENGELUARAN ASET' (Asset Utilization), 'PENGELUARAN ASET' (Asset Utilization), and 'PENGURUSAN ASET' (Asset Management). Below the diagram is a sidebar with a table of contents for the SPB - SPK Penyenggaraan ISO 9001:2015 document.

**Dokumen SPB - SPK Penyenggaraan ISO 9001:2015**

**Pekeliling/Surat Arahan/Garis Panduan/Manual Pengguna**

**NAFAM 2007**

**Buletin Tahunan & Newsletter**

**Seminar Pengurusan Aset dan Fasiliti & Kertas Pembentangan**

**Risalah BPPA**

**Artikel/Journal**

**Portal JPAK**

**mySPATA**

**Sistem Pengurusan Fasiliti Berpusat JKR SPFB**

The screenshot shows the JKR website's 'APLIKASI ATAS TALIAN' (Online Application) section. It displays various online services available, including PAP 1.0, PAP 2.0, PAP 3.0, PIKAT, J-PEDIA, JENOSYS, J-TRUSS, and PWIC. A blue arrow points from the 'J-PEDIA' icon towards the bottom right of the page.

### APLIKASI ATAS TALIAN

Pautan Atas Talian Jabatan Kerja Raya

<b>PAP 1.0</b> Pre-Approved Plan (TERHAD)	<b>PAP 2.0</b> Pre-Approved Plan 2.0 (TERHAD) Edisi 1	<b>PAP 2.0</b> Pre-Approved Plan 2.0 (TERHAD) Edisi 2	<b>MyEXAM</b> Sistem Pengurusan Peperiksaan	<b>PWIC</b> Public Works Cost Information Center
<b>PIKAT</b> Pendaftaran Kenderaan Atas Talian	<b>J-PEDIA</b> JPKI Wikipedia	<b>JENOSYS</b> JPKI Energy Online System	<b>J-TRUSS</b> Sistem Kerukka Dumbung Atas Talian JKR	<b>J10</b> J10 System Adoption Web Portal

<https://www.jkr.gov.my/>

The screenshot shows the J-PEDIA website's 'Welcome to J-PEDIA' page. It features a 'Featured Article' about 'Traffic Impact Assessment' and a 'Featured Knowledge Assets' section. A blue arrow points from the 'J-PEDIA' icon in the 'APLIKASI ATAS TALIAN' section towards the 'J-PEDIA' link in the knowledge assets section.

- WikiITAM
- ECKM wiki
- PM Wiki
- VM wiki
- WikiNotes
- WikiPapers
- Forensic
- WikiSpecs
- Corporate Wiki
- J-CoPiG
- BIM wiki
- WikiGreen
- WikiCost
- WikiAset
- Guides & Standards

<http://jpedia.jkr.gov.my/index.php/WikiAset>

# PROGRAM-PROGRAM BPPA 2019



## MESUARAT KAJIAN SEMULA DOKUMEN DASAR PENGURUSAN ASET KERAJAAN (DPAK) DAN MANUAL PENGURUSAN ASET MENYELURUH (MPAM)



BIL. 1/2019 : 17 Januari 2019  
BIL. 2/2019 : 18-20 Februari 2019  
BIL. 3/2019 : 25-27 Mac 2019  
BIL. 4/2019 : 23-25 April 2019

BIL. 5/2019 : 24-26 Jun 2019  
BIL. 6/2019 : 3 September 2019  
BIL. 7/2019 : 3 Disember 2019



Kuala Lumpur

### Objektif

Kajian semula untuk penambahbaikan dokumen DPAK dan MPAM yang merupakan dokumen peringkat nasional serta memberi pendedahan kepada peserta di dalam Pengurusan Aset Menyeluruh. Dokumen ini akan dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.



## MESUARAT PENYELARASAN PEMUKTAMADAN DRAFT AKHIR DOKUMEN GARIS PANDUAN PENYENGGARAAN BERJADUAL BANGUNAN KERAJAAN BIL. 1/2019

### Objektif



17-18 Januari 2019



Menara Kerja Raya

Menyemak dan memuktamadkan draf akhir dokumen Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (Government Building Scheduled Maintenance Guideline).

Garis panduan telah dimurnikan dan akan diguna pakai di dalam kontrak pengurusan fasiliti dan kontrak penyenggaraan bagi aset milikan Kementerian Kerja Raya, aset di bawah kawal selia Jabatan Kerja Raya serta Jabatan/ Kementerian/ Agensi lain.



## NAZIRAN SPB-SPK PENGURUSAN PENYENGGARAAN JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN

### Objektif



28-30 Januari 2019



JKR Negeri Kelantan

Menilai pemahaman dan pematuhan prosedur penyenggaraan di JKR Kelantan yang dilaksanakan berdasarkan dokumen SPB – SPK Pengurusan Penyenggaraan yang sedang berkuat kuasa



## BENGKEL KONTRAK PENGURUSAN FASILITI ASET TAK ALIH KERAJAAN SIRI 1-2019

### Objektif



28-30 Januari 2019



Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (Amsas)

Memberikan pendedahan mengenai kaedah Pengurusan kontrak Fasiliti dan Penyenggaraan kepada pegawai AMSAS



## PERBINCANGAN BERSAMA KETAU SETIAUSAHA NEGARA

### Objektif



7 Februari 2019



Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Bangunan Perdana Putra

Penerangan ringkas dan perbincangan mengenai Cadangan Peralihan Peranan Urus Setia JPAK daripada JKR kepada Agensi Pusat;

Model bisnes baharu Pengurusan Aset Kerajaan;

Lima (5) Resolusi NAFAM 2018

Pembentangan draf Pelan Strategi Pengurusan Aset Tak Alih (PSPATA)

Pembentangan penambahbaikan dan pemantapan struktur tadbir urus Pengurusan Aset Tak Alih

# PROGRAM-PROGRAM BPPA 2019

## MESYUARAT PENYELARASAN DAN PERSEDIAAN NAZIRAN PROJEK PERINTIS TAHUN 2019 (SIRI 1 DAN 2)

### Objektif



SIRI 1 : 12-14 Februari 2019  
SIRI 2 : 19 April 2019



Institut Pengurusan  
Peladang Langkawi



Ibu Pejabat JKR

Memberikan pendedahan awal tentang proses kerja naziran serta membantu Kementerian / Jabatan / Agensi di dalam permasalahan yang dihadapi semasa penyediaan dokumen projek perintis.

Pemakluman kepada wakil Kementerian / Jabatan / Agensi mengenai memaklumkan penjadualan Naziran Projek Perintis bagi sepuluh (10) premis yang terpilih untuk 2019



## MESYUARAT PRA BENGKEL PARAMETER 2 DAN VERIFIKASI DATA DI PUTRAJAYA

### Objektif



15 Februari 2019



JKR Putrajaya

Mengumpul dan memastikan semua Data Kos Kontrak bagi Parameter 2 BPA bertepatan dengan keperluan GP Semasa.



## MESYUARAT PENENTUAN KAEADAH PENILAIAN TENDER KONTRAK PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN JKR 2016 BIL. 2/2019

### Objektif



19 - 20 Februari 2019



Ibu Pejabat JKR

Menentukan kaedah penilaian tender kontrak pengurusan fasiliti dan penyenggaraan berdasarkan prosedur yang sedang berkuat kuasa.



## BENGKEL PEMURNIAN KONTRAK FASILITI MANAGEMENT 39 BLOK APARTMENT TLD M LUMUT

### Objektif



19 - 20 Februari 2019



TLD Lumut

Melaksanakan permurnian kontrak fasiliti dan memberikan pendedahan kepada pegawai yang akan terlibat dengan pengurusan fasiliti dan penyenggaraan.



## LAWATAN KERJA DELEGASI PEGAWAI NATIONAL INSTITUTE OF FINANCIAL MANAGEMENT (NIFM) INDIA

### Objektif



20 Februari 2019



Kompleks Kementerian  
Kewangan

Memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai delegasi berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan Malaysia.



## STUDY VISIT ON ASSET MANAGEMENT IN MALAYSIA BY MINISTRY OF ECONOMY AND FINANCE CAMBODIA

### Objektif



20 Februari 2019



Kompleks Kementerian  
Kewangan

Memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai delegasi berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan Malaysia.



## MESYUARAT KAJIAN SEMULA NEED STATEMENT FOR TOTAL MANAGEMENT BIL. 1/2019

### Objektif



20 – 22 Februari 2019



JKR Selangor

Menyemak semula Need Statement sedia ada bagi tujuan penambahbaikan mengikut kesesuaian dan keperluan dasar pengurusan aset terkini.

# PROGRAM-PROGRAM BPPA 2019



## BENGKEL PEMURNIAN PEMBANGUNAN KIT LATIHAN FASILITI INFRASTRUKTUR PERINGKAT PERTENGahan

### Objektif



28 Februari - 1 Mac 2019



Menara PJD

Permunian Kit Latihan Fasiliti Infrastruktur Peringkat Pertengahan bagi persedian untuk memberi latihan kepada kakitangan JKR dalam Pengurusan Fasiliti (Infrastruktur).

Meningkatkan kompetensi pegawai dalam Pengurusan Fasiliti supaya dapat menjalankan tugas sebagai Trainer / Change Agent BPPA untuk Program Peluasan.

Salah satu program yang dirancang untuk program Latihan Tahunan Bahagian UPKT BPPA untuk tahun 2019.

Memahirkan diri sebagai penceramah serta memperbaiki mutu dan teras kualiti kerja di dalam memberi latihan kepada kepada kakitangan JKR dalam Pengurusan Fasiliti (Infrastruktur)

## BENGKEL PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PROGRAM PENSIJILAN PENGURUSAN ASET BAGI PENGAMAL PENGURUS ASET BIL. 1/2019

### Objektif



12 Mac - 13 Mac 2019



Menara PJD

Bertujuan untuk menyediakan garis panduan Program Pensijilan Pengurusan Aset bagi pengamal aset.

